

05 DEC 1997

MAS TIDAK BERCADANG UNTUK KURANGKAN TAMBANG PENERBANGAN

LANGKAWI, 5 Dis (Bernama) -- Penerbangan Malaysia (MAS) tidak bercadang untuk mengurangkan tambangnya sama ada untuk penerbangan tempatan atau luar negeri, kata Pengerusinya Tan Sri Tajudin Ramli hari ini.

Beliau berkata, tidak wajar bagi MAS untuk mengurangkan tambang bagi penerbangannya apabila syarikat penerbangan nasional itu terpaksa berbelanja lebih untuk membayar kakitangannya yang bertugas lebih masa dan sebagainya.

"Mereka (kakitangan MAS) juga ingin bercuti dan sebagainya tetapi pada masa yang sama, mereka diperlukan bekerja lebih masa atau menyambung syif bagi memberi perkhidmatan yang menyelesaikan kepada orang ramai.

"Jadi, kita tak boleh bayar mereka kurang. Kita kena fikir (mengenai kebajikan kakitangan MAS) juga," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri majlis pelancaran Rangka Tindakan bagi Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Beliau diminta mengulas rungutan di kalangan orang ramai, khususnya yang bercuti ketika musim sekolah ini, mengenai harga tiket penerbangan domestik yang dikatakan tinggi.

Tajudin berkata adalah tidak berpatutan harga tiket MAS dikurangkan berdasarkan kepada tugas yang dipikul oleh kakitangan MAS.

"Kita kena bayar mereka dua kali ganda jika mereka bekerja lebih masa. Jadi, saya harap orang ramai akan memahami situasi kami," kata beliau. --

BERNAMA

ES NMO